

[Type text]

*Sila semak ketika penyampaian*

**TEKS UCAPAN**  
**Y.B. DATO' SERI SHAZIMAN BIN ABU MANSOR**  
**MENTERI KERJA RAYA**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA BERSAMA MENTERI KERJA RAYA DAN**  
**PERLANCARAN ALUMNI DAN KOPERASI ABM**  
**11 SEPTEMBER 2012**

1. Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul dalam sambutan Hari Raya Aidilfitri Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). Apa yang lebih bermakna lagi, pada hari ini juga akan dilancarkan Alumni dan Koperasi Akademi Binaan Malaysia (ABM).

2. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas jemputan ini bagi menyampaikan ucapan dan seterusnya menyempurnakan majlis pelancaran pada hari ini. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan yang rata-ratanya merupakan bekas pelatih ABM. Saya amat berbesar hati kerana pada hari ini saya berpeluang berjumpa dengan para belia alumni ABM dari seluruh Semenanjung Malaysia dan berinteraksi mendengar sendiri kisah-kisah kejayaan yang dicapai oleh saudara-saudari sekalian. Sesungguhnya kehadiran semua pada hari ini jelas menunjukkan bahawa tuan-tuan dan puan-puan sekalian adalah komited untuk turut serta menterjemah aspirasi nasional dalam konteks pengukuhan jaringan kerjasama dalam pembangunan kepakaran teknikal. Platfom ini juga akan secara langsung menyumbang kepada pengukuhan kepakaran modal insan pekerja berkemahiran tinggi dan seterusnya memenuhi keperluan pasaran kerja dalam industri pembinaan negara ataupun di peringkat global.

3. Bagi membolehkan Malaysia bersaing di peringkat global dan memacu

[Type text]

*Sila semak ketika penyampaian*

ekonomi yang diterajui oleh inovasi, negara perlu memupuk, menarik dan mengekalkan modal insan yang cemerlang. Pembangunan Modal Insan ini merupakan asas utama bagi menjayakan transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi. Oleh itu, Kerajaan pada hari ini adalah komited dalam usaha untuk memberi penekanan utama terhadap pendidikan teknikal dan latihan vokasional seperti mana yang telah dijanjikan dalam Rancangan Malaysia ke Sepuluh. Inisiatif ini adalah penting dalam usaha bagi menyediakan alternatif untuk membolehkan individu merealisasikan potensi mereka sepenuhnya berdasarkan kecenderungan dan bakat masing-masing.

4. Aspirasi nasional ini perlu digerakkan secara menyeluruh oleh semua pihak baik pihak Kerajaan, swasta, mahu pun tuan-tuan dan puan-puan generasi muda yang merupakan penyambung kesinambungan kejayaan negara. Ini kerana penglibatan semua pihak, terutamanya generasi muda, adalah penting bagi mengekalkan perpaduan, keharmonian dan keamanan negara ini. Memetik ucapan YAB Dato Sri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia semasa Hari Kemerdekaan yang lalu, beliau telah menggesa agar semua pihak bersama-sama berganding bahu dalam mengekalkan keharmonian dan kestabilan negara yang telah diperjuangkan selama ini terus kekal dipelihara. Lagipun, keamanan dan kestabilan negara ini adalah faktor utama dalam merealisasikan segala perancangan yang telah dirangka dengan semangat "Gagasan 1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" .

5. Sepertimana semua sedia maklum, ABM telah ditubuhkan sejak tahun 1997 dan telah berjaya melatih lebih daripada 300,000 pekerja industri pembinaan dalam pelbagai bidang kemahiran teknikal yang terpilih. Ini termasuk bidang pendawaian elektrik, operasi kren, pemasangan perancah atau scaffolding hinggalah kursus kimpalan di dalam industri minyak dan gas. Daripada jumlah tersebut, 70,000 orang pelatih merupakan golongan belia yang baru tamat persekolahan.

6. Saya berbangga pada hari ini kerana CIDB dan ABM maju setapak lagi dengan inisiatif penubuhan Alumni dan Koperasi ABM yang keahliannya terbuka

[Type text]

*Sila semak ketika penyampaian*

kepada semua bekas pelatih ABM dari seluruh negara. Saya yakin dan percaya penubuhan Alumni ABM bukan sahaja dapat menjadi wadah dalam menyatukan kesemua alumni ABM di bawah satu organisasi, malah ia juga dapat menjadi platform jalinan kerja sama yang dapat dimanfaatkan dalam memajukan kerjaya dan juga perniagaan sesama ahli.

7. Dengan tertubuhnya Koperasi ABM pula, ahli-ahli dapat mengumpulkan sumber kewangan dengan cara yang terancang untuk membuat pelaburan yang boleh menjana dan meningkatkan pendapatan ahli-ahli koperasi. Di samping itu, koperasi juga boleh memberi kemudahan pembiayaan mikro untuk para ahli yang mungkin memerlukan modal memulakan perniagaan di dalam industri yang berkaitan.

8. Saya juga amat yakin, Koperasi ABM ini akan lebih menarik lagi jika para alumni ABM dapat menawarkan khidmat teknikal mengikut kepakaran masing-masing menerusi koperasi tersebut. Dengan cara ini bukan sahaja individu berkaitan memperoleh pendapatan, malah ahli koperasi sendiri dapat bersama-sama menerima manfaat daripada aktiviti perniagaan produk atau perkhidmatan yang dijalankan.

9. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk berkongsi kisah kejayaan alumni ABM yang berada di sini pada hari ini. Adalah menjadi tanggungjawab kita di dalam industri pembinaan ini untuk menengahkan kepada masyarakat tentang potensi dan kejayaan para belia yang mempunyai kemahiran teknikal dan vokasional. Saya mahu menggunakan kisah kejayaan saudara sekalian sebagai penyuntik semangat kepada para belia kita di luar sana yang meminati bidang teknikal dan vokasional tetapi mungkin masih ragu-ragu tentang potensi kerjaya di dalam bidang ini.

10. Individu yang pertama adalah Saudara Mohd Hanif Hazwan Marzuki yang berumur 22 tahun dan pernah mengikuti Kursus Kimpalan ABM pada 2009. Beliau kini sedang berkhidmat sebagai pengimpal di sebuah syarikat dalam industri minyak dan

[Type text]

*Sila semak ketika penyampaian*

gas dengan pendapatan bulanan antara RM6,000 hingga RM7,500.

11. Manakala individu yang kedua pula, Saudara Saifullah Mohamad, berumur 20 tahun yang pernah mengikuti Kursus Pemasangan Perancah (Scaffolding Installation) di ABM pada 2010. Kini beliau bekerja memasang dan menurunkan perancah di dalam pembinaan pelantar minyak dengan anggaran pendapatan antara RM5,000 hingga RM7,000 sebulan.

12. Terdapat juga bekas pelatih yang telah menjadi usahawan dengan membuka syarikat sendiri. Contohnya, Saudara Mohd Hafiz Md Zahar yang telah mengikuti kursus Pendawaian di ABM pada tahun 2006-2007. Sebagai usahawan, pendapatan beliau kini dianggarkan antara RM8,000 hingga RM9,000 sebulan.

13. Peluang pekerjaan di dalam bidang teknikal ini tidaklah terhad kepada industri tempatan sahaja. Saya difahamkan terdapat ramai alumni ABM yang bekerja di luar negara dengan pendapatan yang lumayan. Sebagai contoh, Saudara Ng Kar Chun, 21 tahun yang kini bekerja di Australia sebagai pengimpal. Pendapatan beliau adalah \$5,000 dollar Australia (RM16,000) sebulan.

14. Dari apa yang telah saya kongsi sebentar tadi, terbukti bahawa pekerja berkemahiran ini mempunyai potensi dan peluang dalam pasaran kerja yang menawarkan pendapatan lumayan. Ini turut membuktikan bahawa ABM merupakan sebagai salah sebuah pusat latihan teknikal yang mampu menyediakan individu teknikal berkemahiran tinggi untuk memenuhi keperluan pasaran kerja.

15. Industri pembinaan negara sememangnya rancak berkembang dan menjadi antara sektor peneraju utama kepada agenda pembangunan negara dan pemangkin kepada kekuatan ekonomi. Terdapat pelbagai projek mega berimpak tinggi yang telah direncanakan untuk dijayakan dalam Program Transformasi Ekonomi yang pastinya memerlukan tenaga kerja mahir. Sebagai contoh adalah Projek MRT yang bernilai

[Type text]

*Sila semak ketika penyampaian*

RM36.6 billion, dan Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) milik PETRONAS di Pengerang, Johor yang bernilai RM62 billion. Untuk projek RAPID ini sahaja, 40,000 tenaga mahir di dalam industri Minyak dan Gas diperlukan bagi memastikan projek ini dapat disiapkan pada 2016.

16. Dengan pembangunan infrastruktur yang sedang giat dijalankan di dalam negara kita, Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan (Pemandu) menganggarkan bahawa lapan tahun akan datang, 60 peratus tenaga kerja yang diperlukan di dalam negara adalah di dalam bidang teknikal dan vokasional.

17. Cuba tuan-tuan dan puan-puan bayangkan, jika para belia kita tidak digalakkan menceburi bidang teknikal dan vokasional, maka peluang-peluang pekerjaan yang lumayan ini akan terlepas kepada tenaga kerja asing. Janganlah nanti kita pula yang menggigit jari apabila melihat orang lain meraih keuntungan daripada pembangunan dan pembinaan infrastruktur negara kita sendiri.

18. Saya telah menggesa CIDB untuk terus meningkatkan usahasama dengan *key-player* industri pembinaan bagi mengenal pasti jenis-jenis kemahiran teknikal yang diperlukan, terutamanya dalam bidang infrastruktur rel dan juga industri minyak dan gas. Adalah menjadi tanggungjawab CIDB untuk melatih belia tempatan dan memastikan tenaga pekerja mahir adalah mencukupi untuk keperluan industri dan pasaran kerja semasa. Pada masa yang sama, ini akan menyediakan peluang masa depan yang lebih terjamin kepada para belia kita.

19. Saya difahamkan CIDB telah pun memulakan usahasama dengan penggerak industri minyak dan gas tempatan dan antarabangsa seperti Malaysia Petroleum Resources Corp (MPRC), Malaysia Offshore Contractors' Association (MOCA), dan Petronas untuk memastikan tenaga kerja dilatih mengikut spesifikasi kemahiran yang diperlukan oleh industri tersebut.

[Type text]

*Sila semak ketika penyampaian*

20. Oleh itu, besarlah harapan saya supaya para belia di dalam mahupun di luar dewan ini dapat merebut peluang ini untuk sama-sama menyumbangkan tenaga, akal fikiran dan kemahiran dalam membangunkan industri pembinaan negara kita dan seterusnya meningkatkan ekonomi negara.

21. Saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada semua alumni ABM kerana memberi contoh yang positif kepada para belia lain melalui kejayaan yang telah mereka kecapai. Namun begitu, kejayaan tidak akan datang bergolek. Saya tidak mahu mana-mana pihak mempunyai anggapan salah bahawa mencapai kejayaan seperti yang ditunjukkan oleh ramai bekas pelatih ABM ini adalah sesuatu yang mudah. Kejayaan di dalam bidang apa sekali pun tidak akan dikecapi tanpa pengorbanan, komitmen dan usaha yang tidak mengenal putus asa.

22. Berbekalkan harapan untuk kemajuan para belia di negara kita ini bagi turut serta dalam agenda nasional ke arah negara maju berpendapatan tinggi, saya berdoa agar segala inisiatif yang dijalankan pihak Kementerian Kerja Raya dan CIDB akan dapat terus membuahkan hasil yang menjadi kebanggaan masyarakat dan negara.

Terima kasih